



03 APR, 2026

Kerajaan perketat kawalan tenaga di bangunan kerajaan

Sinar Harian, Malaysia



Kerajaan perketat kawalan tenaga di bangunan kerajaan

Suhu penyaman udara ditetapkan pada minimum 24 darjah Celsius

KUALA LUMPUR - Kawalan penggunaan tenaga di bangunan kerajaan akan diperketatkan termasuk menetapkan suhu penyaman udara pada minimum 24 darjah Celsius berikutan krisis tenaga global, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, sehubungan dengan itu, penjawat awam digalakkan memakai pakaian lebih sesuai dengan iklim tempatan seperti batik, kemeja korporat atau baju Melayu bagi mengurangkan kebergantungan kepada penyejukan berlebihan.

Beliau berkata, langkah itu mencerminkan komitmen kerajaan untuk memimpin melalui teladan dalam penggunaan tenaga secara berhemat.

"Sebagai langkah proaktif dalam menghadapi krisis tenaga global, kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah penjimatan tenaga di peringkat nasional," katanya pada Taklimat Krisis Tenaga Global yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan pada Khamis.

Fadillah berkata, Malaysia berada dalam keadaan terkawal dan bersedia mengambil langkah proaktif bagi mengurus kesan krisis tenaga global susulan konflik di Asia Barat yang kini menjejaskan bekalan serta harga minyak dunia.

"Kita kini berada dalam satu fasa yang mencabar dalam landskap ekonomi global. Krisis tenaga global yang sedang berlaku, susulan konflik di Asia Barat telah memberi kesan langsung

kepada bekalan dan harga tenaga di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, gangguan terhadap laluan strategik seperti Selat Hormuz yang menjadi nadi kepada aliran minyak global telah meningkatkan ketidakpastian pasaran serta menekan harga minyak ke paras yang tinggi.

Fadillah berkata, sebagai sebuah ekonomi terbuka Malaysia tidak terkecuali daripada tempas krisis berkenaan.

"Kita harus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga sekiranya krisis ini berlarutan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memahami kebimbangan rakyat terhadap impak krisis itu, justeru pendekatan yang diambil adalah jelas, tersusun serta berfokus kepada keutamaan tertentu.

Fadillah berkata, bekalan petroleum negara kekal stabil dan mencukupi, manakala kerajaan telah bersedia dengan pelan kontingensi bagi memastikan kelangsungan bekalan dalam apa jua keadaan.

Beliau berkata, pelan berkenaan termasuk mendapatkan bekalan daripada pasaran alternatif sekiranya krisis tenaga global susulan konflik di Asia Barat menyebabkan gangguan berpanjangan.

"Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada tempas krisis tenaga dunia ini. Namun, penting untuk ditegaskan bahawa negara berada dalam keadaan terkawal, bersedia serta mengambil langkah proaktif bagi mengurus kesan krisis ini. - Bernama



FADILLAH